



Rujukan kami : PDPDU/PPN 600-1/49 Jld. 4 (54)  
Tarikh : 15 Julai 2020

**En. Adillah bin Abu Samah**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd,  
2-19-01 Worldwide @7,  
Jalan Lazuardi 7/29, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor

Tuan,


**KELULUSAN UNTUK KEBENARAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT DI SEKOLAH-SEKOLAH DI DALAM DAERAH PPD PETALING UTAMA DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)**

Perkara di atas dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan, bahawa Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama ambil maklum dan tiada halangan kepada pihak tuan untuk berurusan dengan pihak pentadbir sekolah-sekolah di daerah PPD Petaling Utama bagi program seperti yang terkandung di dalam surat tuan kepada kami dan pihak tuan adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004- Ruj. KP(BS)8691/Jld.XV111/(9) bth. 16 Sept. 2004 – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.**
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan diminta menghubungi pihak sekolah untuk mendapatkan kerjasama dan mematuhi garis panduan berikut:
  - 3.1 Pihak PPD Petaling Utama berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;
  - 3.2 Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
  - 3.3 Mendapat kebenaran daripada Pengetua/ Guru Besar sekolah-sekolah yang terlibat: (Rujukan; perkara 3.1, Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 10/2011)
  - 3.4 Penyertaan guru dan murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka di sekolah;
  - 3.5 Murid dan warga sekolah **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** untuk menerima program yang ditawarkan oleh pihak tuan.

#### TERTIB TEGAS TELUS

Kami mengamalkan Sistem Pengurusan  
Berkualiti Berasaskan MS ISO 9001:2008



Certified to ISO 9001:2008  
Cert. No.: AR-3376

Certified to ISO 9001:2008  
Cert. No.: AR-3376

Certified to ISO 9001:2008  
Cert. No.: AR-3376

Tajuk: KELULUSAN UNTUK KEBENARAN MELAKSANAKAN TAKLIMAT DI SEKOLAH-SEKOLAH DI DALAM DAERAH PPD PETALING UTAMA DAN CADANGAN PENGGUNAAN APLIKASI ME12PAY UNTUK REKOD KEHADIRAN DAN SARINGAN SUHU PELAJAR DAN GURU SECARA DIGITAL DALAM PEMATUHAN GARIS PANDUAN (SOP) PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH (TANPA KOS TAMBAHAN KEPADA PIHAK SEKOLAH)

---

- 3.6 Tidak dikenakan sebarang bayaran penyertaan kepada pelajar-pelajar dan aktiviti tuan tidak membawa implikasi pentadbiran kewangan kepada sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 3.7 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian.
- 3.8 **Tiada sebarang perjumpaan bersama murid secara perhimpunan atau di luar kelas semasa dalam tempoh PKPP.**
- 3.9 Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.
4. **Kelulusan ini juga adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.:12/1988, Larangan Jualan Terus Di Sekolah-Sekolah, yang tidak membenarkan mana-mana pihak pembekal, menjual, atau memberi secara percuma sebarang jenis ubat, minuman, makanan kesihatan, makanan tambahan, mengadakan pemeriksaan kesihatan dan membuat promosi barangan dagangan atau jualan produk terus kepada warga sekolah di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.**
5. Untuk makluman pihak tuan juga, KPM sedang berusaha untuk melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh itu, KPM mencadangkan **penyertaan murid bagi program tersebut perlu disesuaikan agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid yang terlibat.**
6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Disember 2020.**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MARPUATON BINTI SASTERO)**

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama